

جرنل قنديقن اسلام

Jurnal
**PENDIDIKAN
ISLĀM**

Jilid 10 Bil. 4 Februari 2004/Zulhijjah 1424H ISSN 0127-5-153 Harga RM10.00

Ketua Pengarang

DR. GHAZALI BASRI

Penolong Ketua Pengarang

DR. ROSNANI HASHIM

Sidang Pengarang

Dr. Ab. Halim Muhammady (UKM)

Hj. Ahmad Mohammad Said (KDH)

Dr. Jariah Masud (UPM)

Dr. Khadijah Zon (USM)

Dr. Ratnawati Ashraf (UIAM)

Dr. Tajul Ariffin Nordin (UKM)



Terbitan Bersama:

KOLEJ DAR-AL-HIKMAH (KDH)

DAN YAYASAN TAKMIR (PENDIDIKAN)


Kompleks Dar al-Hikmah, Lot 1662, Sg. Ramal Dalam,

43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-89252392 Fax: 03-89252477

E-mail: darulhikmah@hotmail.com Laman Web: www.hikmah.net.my





GEJALA SAMSENG DI SEKOLAH: APA USAHA KITA?

Baru-baru ini kita dikejutkan dengan kejadian gejala samseng di beberapa buah sekolah, bukan sahaja di sekolah biasa tetapi juga di sekolah elit dan berasrama penuh. Kita melihat kejadian yang menggejala ini sebagai satu "wake-up call", atau pun satu amaran awal kepada sesuatu yang lebih besar jika sekiranya ia tidak ditangani lebih awal. Pada hemat kami bagi mengatasi gejala ini ia memerlukan kepada satu pendekatan yang sepadu dan menyeluruh. Justeru kita tidak akan berlaku adil jika sekiranya kita mengatakan bahawa isu ini adalah isu sekolah di bawah pengawasan guru-guru atau pun ibu bapa yang anak-anak mereka terlibat dengan salah-laku ini. Sesungguhnya ia mestilah dilihat sebagai satu isu yang melibatkan keseluruhan dasar pendidikan negara dan perlaksanaannya. Malah, kalau kita mahu bersikap terbuka ia bukan sahaja melibatkan kementerian pendidikan, bahkan juga dasar kerajaan secara keseluruhan khususnya yang berkait dengan dasar penerangan dan penyiaran, dasar pelancongan dan kebudayaan, dan seumpamanya.

Kita menyebutnya demikian ialah dengan kefahaman bahawa pendidikan formal yang dilalui oleh setiap murid di peringkat persekolahan hanya menyumbang sebahagian sahaja daripada pembentukan sahsiah murid tersebut, yang selainnya datang daripada pendidikan yang tidak formal seperti institusi keluarga, masyarakat sekitar, media massa elektronik dan cetak dan bentuk-bentuk hiburan dan rekreasi yang terdapat di persekitaran. Beberapa kajian empirikal yang pernah dibuat menunjukkan bahawa pengaruh media elektronik seperti televisyen amat besar kesannya terhadap pembentukan sahsiah murid. Contohnya cerita atau adegan sadis, penderaan dan pembunuhan yang sering ditayangkan akan meninggalkan kesan buruk. Justeru itu, kita mengesyorkan semua pihak, khususnya kerajaan, mencari jalan supaya satu kod etika penyiaran dapat digubal dan dilaksanakan.

Seperkara yang menjadi keprihatinan kita ialah mengenai sistem dan matlamat pendidikan yang kurang memberi penekanan kepada pembinaan sahsiah luhur pelajar. Sebaliknya penekanan yang lebih diberi kepada pencapaian akademik dan kemahiran. Justeru kita dapat menyaksikan dengan jelas bagaimana dasar kerajaan yang pada peringkat awal persekolahan lagi menyediakan pembahagian jurusan kepada sains, vokasional dan sastera. Penekanan diletakkan kepada sains dan vokasional dengan kadar kira-kira 70%: 30%. Tujuannya ialah untuk menampung keperluan negara bagi guna tenaga kerja di bidang profesional.

Pembahagian sedemikian tidaklah mudarat tetapi apa yang berlaku ialah bagi memenuhi konsep “pendidikan sebagai pelaburan”, bagi keperluan penyediaan guna-tenaga kerja, maka di segi implementasinya sudah pastilah diselaraskan dengan matlamat yang hendak dicapai. Ini memberi implikasi besar dalam pencorakan orientasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah.

Adalah sesuatu yang memang sudah diterima umum bahawa keseluruhan sistem dan perkaedahan pengajaran dan pembelajaran yang digunapakai pada waktu ini adalah selaras dengan matlamat di atas. Justeru kalau kita meneliti bentuk-bentuk sistem pengujian dan penilaian (testing and evaluation) menerusi sistem peperiksaan sama ada yang bersifat ‘terminal’ atau sumatif (di peringkat UPSR, PMR, SPM, SPVM atau STPM) atau yang bukan ‘terminal’ atau formatif (ujian bulanan, penggal, akhir tahun) semuanya menjerus kepada menilai kecekapan, kemahiran dalam berkomunikasi, membuat sesuatu dan bertindak sahaja. Amat sedikit atau hampir tiada alat (instrument) yang digunakan untuk menilai aspek emosi seperti tahap keinsanan dan tahap keagamaan seseorang, yang dalam bahasa pendidikan disebut aspek afektif. Oleh yang demikian tidak hairanlah mengapa kita dapati orientasi pembelajaran adalah bersifat kognitif sahaja. Dalam perkataan lain, kita boleh menghasilkan pelajar yang tinggi tahap ilmu pengetahuannya serta kemahirannya, tetapi belum tentu dapat menghasilkan pelajar yang luhur budi pekertinya.

Matlamat pendidikan yang bersifat materialistik dan berfahaman utilitarianism (faham kemanfaatan) telah mendorong pembuat dan pelaksana dasar pendidikan negara untuk terus bersikap “puas hati” dengan apa yang ada. Belum pun ada usaha bersungguh-sungguh di pihak Kementerian Pendidikan untuk mengkaji semula sistem penilaian yang ada sekarang. Demikian jugalah jika kita menilai kembali keseluruhan kurikulum dan sukatan pelajaran di semua peringkat persekolahan, kita akan dapati pendekatannya adalah bersifat kognitif. Penekanan ialah kepada pembangunan minda, akal; dan amat kurang sekali diberi perhatian kepada pembinaan sahsiah.

Oleh kerana perkara ini kurang dirasakan kepentingannya, pada umumnya pembuat dasar dan pelaksana pendidikan terus berasa selesa dengan beberapa pembaikan atau reformasi pendidikan yang dibuat, misalnya menambah waktu mata pelajaran agama di semua peringkat persekolahan, menyediakan kelas-kelas fardhu ‘ain dan seumpamanya. Namun di segi kekesanannya tidak banyak membawa perubahan, kerana perubahan struktural sahaja belum dapat menjamin perubahan yang sebenarnya. Ia memerlukan perubahan kultural yang bermaksud adanya

perubahan minda dan sikap terhadap sesuatu ilmu yang dipelajari. Kita ambil contoh yang mudah sahaja. Katakanlah kita mengajarkan anak-anak kita di peringkat rendah belajar cara bersembahyang (solat) dan kemudiannya dapat melakukannya dengan baik dan terus istiqamah dengan solatnya. Tetapi oleh kerana kita tidak beri kefahaman tentang mengapa kita mesti solat, dan apakah pengertian solat yang sebenar dalam kehidupan, maka solat itu hanya bersifat ritual sahaja, dan perlakuannya bersifat mekanistik. Bahkan seringkali kita menyaksikan individu yang beres solatnya tetapi bermasalah di segi sahsiahnya. Apa yang seharusnya dilakukan dalam hal ini ialah pendidik harus memberi penjelasan serta kesedaran mengenai makna solat seperti yang terkandung dalam ungkapan "iqama", bererti "hal keadaan yang berterusan" (continuous) dalam solat". Maksudnya walaupun kita telah selesai menunaikan solat waktu seperti subuh, zohor, 'asar dan sebagainya, tetapi menurut konsep ini, kita masih lagi berada dalam keadaan solat walaupun kita sudah berada di luar solat yang formal tadi, sama ada kita bekerja di pejabat, di ladang, di sawah, di bilik darjah atau di mana sahaja. Ada dua tahap yang mesti dipelajari murid. Pertama tahap memahami konsep (kognitif) dan kedua (tidak terpisah dengan pertama) tahap perlaksanaan. Di sinilah pengamal pendidikan harus merangka sebuah alat penilaian yang dapat mengesan tahap kefahaman dan tahap penghayatan murid. Kesan langsung daripada pendekatan seperti ini akan melahirkan sahsiah pelajar yang berilmu dan sekaligus menghayati ilmu yang ada padanya.

Memang tidak dapat dinafikan persoalan nilai dan norma yang menjadi komponen terpenting dalam pembangunan manusia bukanlah sesuatu yang mudah diajarkan kepada anak didik. Ia juga bukan menerusi penerangan lisan (chalk and talk). Justeru, kalau kita mengimbas kembali zaman silam, walaupun institusi pendidikan tradisional, terdapat banyak kelemahannya, namun di segi pendidikan kerohanian/kejiwaan dan pembentukan sahsiah pelajar kejayaan mereka dapat dibanggakan. Di segi matlamat, pendidikan dilihat sebagai wasilah yang membawa kepada kesejahteraan di dunia dan akhirat. Pendidikan dianggap sebagai pembentukan sahsiah, justeru para gurunya tinggal bersama, berinteraksi dengan para muridnya, menjadi *role-model*, suasana pengajaran dan pembelajaran dirangsang dengan akhlak-akhlak karimah, seperti berdoa sebelum dan selepas pengajaran, tazkirah dan seumpamanya. Atas keyakinan inilah seorang tokoh ulamak yang juga seorang pendidik ulung di kalangan umat rantau ini di abad yang lalu, Mohamad Natsir mengesyorkan, dalam apa keadaan sekalipun kita mesti mempertahankan sistem pondok, pesantren dan institusi-institusi keislaman seperti madrasah kerana menurut beliau sistem tersebut adalah benteng dan

sekaligus penjana kepada pembentukan sahsiah luhur dalam mendidik manusia.

Gejala samseng yang kita sebut di awal tadi berkait rapat dengan sistem pendidikan yang kita lalui sekarang. Walaupun ada pihak yang mengatakan bahawa ia tidaklah sesuatu yang bersifat nasional, bahkan ia dianggap sebagai kejadian terpencil (*isolated case*), namun pada hemat kami ia sudah cukup memprihatinkan setiap pendidik yang mempunyai rasa tanggungjawab yang mendalam. Oleh kerana asas atau struktur kurikulum kebangsaan kita tidak cukup bertenaga (*resilient*) bagi menjaga aspek kemanusiaan (*humanizing factor*), kita amat kluatir dengan arus dan rempuhan nilai-nilai materialistik-agnostik yang dibawa oleh budaya globalisasi ini, kita tidak mampu untuk bertahan. Malahan di Amerika Syarikat, semenjak kira-kira dua dekad yang lalu sudah banyak dibincangkan tentang kegagalan sistem pendidikan mereka. Ada di kalangan pemikir-pendidik mereka yang menyifatkan sistem pendidikannya *has failed to humanize humans* (gagal memanusiaikan manusia). Apakah kita mahu mengikuti jejak mereka?

KETUA PENGARANG.

Senarai Penyumbang (*Contributors*)

Mahyuddin Ashaari
Ketua Pengarah
Yayasan Takmir Pendidikan

Hazri Jamil & Khairuddin Saeran
Pensyarah, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
Universiti Sains Malaysia

Dato' Dr Siddiq Fadzil
Presiden
Kolej Dar al-Hikmah

Dr Abdul Latif Samian
Pengarah Pusat Pengajian Umum
Universiti Kebangsaan Malaysia

Dr Ghazali Basri
Pensyarah Kanan
Kolej Dar al-Hikmah